

Mary Yap rasmi Mahepa kali ke-18, UMS



KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Majlis Penghargaan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (MAHEPA) kali ke 18 baru-baru ini.

Program itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Datuk Mary Yap Kain Ching.

Dalam ucapannya, Mary berkata Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa komited dalam usaha-usaha memartabatkan pendidikan tinggi negara.

Laungan "Soaring Upwards" menjadi kata keramat yang mampu menaikkan semangat semua warga pendidikan tinggi dalam mendokong usaha berkenaan.

"Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi kita harus terus mendokong

usaha Kementerian untuk memastikan pendidikan tinggi negara terus berada di persada yang boleh dibanggakan dengan menjadikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Tahun 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) sebagai panduan," katanya.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Bin Abdullah, yakin pencapaian yang sebenar diukur melalui usaha, kerja keras, pengorbanan dan penat lelah, meyakini apa yang dilakukan dengan ikhlas akan membawa hasil yang nikmatnya dapat dikongsi bersama keluarga dan masyarakat.

"Begitu juga dengan pencapaian pelajar yang kita akan raikan pada malam ini," katanya.

Menurut Prof. Madya Dr. Ismail Ali, TNC HEPA, UMS dalam ucapannya, usaha membangunkan mahasiswa tidak hanya terhenti kepada para pelajar semasa UMS tetapi juga diperluaskan kepada hal ehwal kebolehpasaran baik

"Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa komited dalam usaha-usaha memartabatkan pendidikan tinggi negara. Laungan "Soaring Upwards" menjadi kata keramat yang mampu menaikkan semangat semua warga pendidikan tinggi dalam mendokong usaha berkenaan."

DATUK MARY YAP KAIN CHING
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia

dalam kalangan pelajar dan alumni UMS.

Pelbagai aktiviti dan program dianjurkan oleh HEP dengan kerjasama Pusat Hubungan Industri, Pusat Alumni UMS dan Persatuan Alumni UMS dan pihak industri seperti pengajuran program SLIM, job-fair, seminar atau bengkel pelajar bersama industri dan lain-lain lagi.

Malam MAHEPA itu bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada mahasiswa yang mencapai pelbagai kejayaan dalam pelbagai bidang bukan akademik dan sekaligus

mengharumkan nama dan menaikkan imej UMS sepanjang tahun 2015.

Adalah menjadi harapan JHEPA agar pengajuran majlis ini akan dapat meningkatkan lagi ketrampilan diri dalam kalangan para mahasiswa selari dengan misi dan visi Kementerian Pendidikan Tinggi dan UMS untuk melahirkan mahasiswa yang holistik dan menyumbang bakti kepada agama, bangsa dan negara.

Berbeza dengan MAHEPA pada tahun yang lalu, pengajuran MAHEPA pada kali ini memperlihatkan beberapa pembaharuan dan



MARY Yap merasmikan Majlis Penghargaan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS.

penambahbaikan dalam pengajurannya iaitu bukan sahaja memberi penghargaan kepada para mahasiswa, jabatan dan pusat di HEPA tetapi juga turut memberi penghargaan kepada alumni UMS dan pengamal media yang banyak membantu

menaikkan imej UMS, JHEPA dan pelajar.

Sementara itu, Persiden Majlis Perwakilan Pelajar, Saudara Mohd Taufik bin Nordin selaku penerima anugerah pemimpin cemerlang mahasiswa berkata melahirkan rasa

terharu dengan anugerah yang diterima.

"Saya menyertu kepada semua pelajar untuk sama-sama kita bersama dengan kepimpinan UMS. Jika saya layak menerima anugerah ini. Anda juga layak. Soaring upwards," katanya.



PENERIMA anugerah bergambar bersama Mary, NC dan TNC dalam majlis itu